

31/08/1997

Menuju alaf baru

ALAF baru mulai 1 Januari 2000 menyaksikan kehidupan yang menjurus kepada 'siapa yang pakar, kuat dan mampu bertahan' dalam pertarungan sengit menguasai teknologi maklumat (IT). Kegiatan seharian manusia termasuk rakyat Malaysia ketika itu sama ada perbankan, kerajaan, runcit dan pejabat, banyak berurusan dengan sistem perkomputeran.

Namun begitu, Malaysia turut menyediakan prasarana untuk menghadapi hakikat kehidupan perkampungan sejagat (global village) dengan melaksanakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menjadi tunggak negara menghadapi alaf itu.

Projek itu sekali gus muncul dengan dasar yang menjurus kepada penguasaan IT sebagai bidang yang bakal menjadi corak utama industri negara dan menjana perolehan melalui eksport serta menjadi mekanisme urusan seharian.

MSC mampu mengangkat status negara memasuki era negara maju yang berasaskan IT bagi semua kegiatannya.

Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7 1996-2000) yang turut menjadi faktor membantu negara memasuki alaf 2000 dirangka berdasarkan strategi untuk menangani cabaran itu seperti 'gangguan penyangak spekulator antarabangsa' secara terus menerus untuk menjatuhkan ringgit seperti yang berlaku sekarang. Paling ketara melalui Belanjawan Negara sejak beberapa tahun lalu ialah penekanan kepada pertumbuhan industri, serta meningkatkan eksport dan mengurangkan import melalui pendekatan Belanjawan berimbang.

Mengimbas sejarah perjuangan kemerdekaan, penubuhan Umno pada 1947, gerakan menentang Malayan Union dan disusuli kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 kemudian melalui detik awal mengisi hari-hari awal sebagai negara bebas, ancaman komunis dan rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 - semuanya perlu dijadikan iktibar segenap peringkat rakyat.

Menegaskan mengenai sejarah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Negara perlu sejarah. Jika kita lupa sejarah, kita tidak akan menghargai kemerdekaan. Janganlah kita maju ke belakang dengan melupakan asal usul kita sebelum ini."

Penyusunan semula sosioekonomi khususnya pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) ketika pemerintahan Allahyarham Tun Abdul Razak Hussin yang juga Baba Pembangunan, memberi makna baru kehidupan kepada orang Melayu yang sekian lama dihimpit kemiskinan. DEB turut membuka peluang kepada orang Melayu mendiami tanah rancangan Felda.

Kemudian tampuk kerajaan diterajui oleh Allahyarham Tun Hussein Onn, yang mempamerkan gaya sederhana dan teliti dalam semua tindakannya. Era itu disifatkan zaman 'tenang' dalam negara dan tetapi pada 1981, apabila Dr Mahathir menerajui kerajaan, beliau dengan berani memperkenalkan dasar agresif walaupun sukar diterima sebahagian rakyat dan jentera pentadbiran awam ketika itu. Ini termasuk mempercepatkan 30 minit daripada waktu biasa bagi Semenanjung dan pengenalan kad perakam waktu di pejabat kerajaan.

Satu persatu langkah diorak oleh Dr Mahathir seperti melaksanakan projek Daya Bumi, membina Jambatan Pulau Pinang, membina kilang besi waja nasional, membuat kereta nasional Proton Saga serta membina Lebuh raya Utara-Selatan.

Projek terbaru ialah membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, pembangunan kawasan pentadbiran Kerajaan Elektronik di Putrajaya, kawasan pembangunan teknologi maklumat Cyberjaya, pelaksanaan aplikasi Koridor Raya Multimedia (MSC), projek hidro Bakun di Sarawak,

Laluan Kedua Johor-Singapura serta Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara (NRIA) di Kuala Muda, Kedah.

Dasar yang diperkenalkan ialah Pandang Ke Timur, Buy British Last, Persyarikatan Malaysia, penswastaan, Wawasan 2020 dan perkongsian pintar dalam hal urusan sejagat dan penguasaan IT.

Kebanyakan dasar Malaysia menarik perhatian negara asing. Mereka menghantar pegawainya untuk mempelajari resipi pembangunan dan kemakmuran kita. Keupayaan ekonomi dan kewangan negara kerap diiktiraf badan antarabangsa seperti Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) serta institusi perunding lain.

Pada masa yang sama, prasarana besar dan kadang kala dipersoalkan dengan kos RM bilion; perlu percepatkan sebelum kos meningkat jika ia dilaksanakan pada masa akan datang atau boleh mencetuskan krisis jika kemudahan tidak mencukupi. Dengan wawasan tersendiri pemimpin kita, negara kini mempunyai prasarana lengkap untuk menghadapi alaf baru 2000.

Inilah antara tunggak pembangunan negara yang mengalami pertumbuhan purata 8.0 peratus sejak tujuh tahun lalu. Kemudian, keupayaan mengawal inflasi di bawah paras 3.0 peratus setahun turut dikagumi. Dalam suasana ekonomi yang muram di seluruh dunia, keupayaan mempertahankan kedua-dua perkara itu disifatkan oleh dunia sebagai ajaib.

Prinsip 'memakmurkan jiran' yang kini menjadi tumpuan dasar luar negara bermaksud membantu pembangunan dan pengukuhan ekonomi negara jiran yang sesungguhnya memberi kesan kepada kita. Jika sebuah negara jiran terus miskin dan bergolak, kita turut mengalami kesan buruknya.

Sehubungan itu, muncul gagasan pertumbuhan wilayah seperti Kawasan Pertumbuhan Asia Timur (EAGA) membabitkan Malaysia-Filipina dan Indonesia; kawasan pertumbuhan Singapura-Johor-Riau (Sijori), kawasan pertumbuhan Segi Tiga Utara Malaysia-Acheh-Selatan Thailand selain Malaysia menjadi tunggak pembangunan Lembah Mekong untuk memesatkan pertumbuhan di Indochina yang sekian lama lumpuh kerana konflik senjata.

Namun Dr Mahathir dan pemimpin lain kerap mengingatkan bahawa perjuangan kita belum selesai dan jangan sekali-kali bersikap selesa dengan kemakmuran serta kemajuan yang dikecapi. Kualiti perlu dipertingkatkan kerana ia tidak ada had. Begitu juga penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) turut menjadi dasar pentadbiran serta pengurusan semua sektor.

Menurut ahli ekonomi, Prof Diraja Ungku Aziz, tunggak yang membawa kemajuan negara ini ialah minda dan sosial, kestabilan ekonomi dan politik, serta keharmonian masyarakat dan kaum di dalamnya.

"Dari segi fizikal, kita dapat membangunkan sektor perkilangan dengan pesat mulai akhir 1970-an dan ia berjaya merubah corak ekonomi Malaysia," katanya.

Beliau turut mengakui kesan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang digubal selepas peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Dasar itu, katanya, memberi peluang orang Melayu dalam bidang pendidikan dan ekonomi sehingga puluhan ribu pelajar Melayu dapat melanjutkan pelajaran di universiti tempatan dan luar negara.

"Mereka kini adalah antara penggerak pembangunan Malaysia melalui perkhidmatan dalam pelbagai bidang," katanya. Beliau sukar meramalkan cabaran negara pada masa akan datang kerana dekad ini dan abad ke-21 menyaksikan teknologi berubah dengan pantas berbanding dekad sebelum ini.

Sehubungan itu, Prof Ungku Aziz menyarankan kerajaan dan rakyat mempersiapkan diri serta sekumpulan tenaga yang banyak di bidang teknikal, elektronik dan digital.

"Negara juga memerlukan kumpulan besar sumber manusia yang mempunyai minda yang luas dan fleksibel yang berupaya melakukan pelbagai tugas," katanya.

Menurut pandangan Menteri Penyelidikan dan Teknologi Indonesia, Dr H J Habibie dalam majlis di ibu negara, baru-baru ini, rumpun Melayu di Nusantara mengharapkan limpahan kesan dan faedah daripada beberapa projek besar serta idea ajaib pemimpin Malaysia termasuk berkongsi faedah MSC.

Katanya, Malaysia yang menjadi negara unggul Asean juga bertanggungjawab mempelopori usaha memartabatkan Melayu sekaligus umat Islam.

Menyorot faktor politik; kestabilan parti komponen Barisan Nasional terutama tunggaknya Umno, menyumbang kesan yang ketara kepada keyakinan pelabur menanam modal di negara ini.

Dr Mahathir sering menegaskan, apabila memilih pemimpin biar yang berkeupayaan bukan kerana disogok supaya menyokongnya. Walaupun proses demokrasi dalam parti dikekalkan, ahli disaran mengelakkan pertukaran pucuk pimpinan terlalu kerap.

Jelas sekali, tunggak pertumbuhan negara dalam tempoh 40 tahun merdeka ialah kestabilan politik. Kestabilan itu membolehkan kerajaan merancang dan melaksanakan program pembangunan. Melalui program yang kemas dan berhemah maka pertumbuhan ekonomi dapat dijana dengan mapan manakala rakyat menikmati kemakmurannya. Hasil daripada kegiatan ekonomi ini, kerajaan memperolehi hasil untuk memakmurkan rakyatnya.

(END)